

60 TAHUN MIC

Berlakukakah Perubahan Kepimpinan?



PADA 5 Ogos tahun ini, Malaysian Indian Congress (MIC) akan menyambut ulang tahun ke-60 penubuhannya. MIC mula beroperasi secara rasmi sebagai parti politik

di bawah pimpinan Presiden pertamanya, John A. Thivy, pada 5 Ogos 1946. Ketika penubuhannya, MIC dianggap sebagai jentera untuk meningkatkan kebajikan dan kedudukan masyarakat India. Hari ini, peranan MIC itu tidak banyak berubah cuma disesuaikan dengan persekitaran dan iklim politik semasa tanah air.

Pemilihan pucuk pimpinan tertinggi dalam Perhimpunan Agung MIC ke-60 pada 23-24 Jun ini bakal menentukan hala tuju parti ini selepas lebih daripada setengah abad ditubuhkan. Barisan kepimpinan yang bakal dipilih perlu memperlihatkan keserasian antara dua kelompok utama pemimpin tertinggi MIC iaitu pemimpin senior yang berpengalaman bergandingan dengan pemimpin muda yang penuh semangat. Keserasian ini penting untuk meneruskan

agenda pembangunan masyarakat India yang belum selesai terutamanya dalam usaha mendekati jurang sosial dan ekonomi antara kelas menengah dengan kelas bawahan serta memastikan masyarakat India dapat bersaing pada era globalisasi yang penuh cabaran.

Perhimpunan kali ini menjadi tumpuan berikutan perebutan beberapa jawatan utama dalam parti termasuklah jawatan Timbalan Presiden, Naib Presiden, Ketua Wanita, dan Ahli Jawatankuasa Pusat (CWC). Jawatan Presiden telah pun dimenangi oleh Dato' Seri S. Samy Vellu yang memimpin MIC selama 27 tahun. Beliau menyandang jawatan ini untuk penggal yang ke-10.

Tumpuan sekarang ialah jawatan Timbalan Presiden MIC yang disandang oleh Dato' S. Subramaniam sejak 1981. Jawatan ini diramal menjadi rebutan antara beliau dan seorang lagi calon iaitu Dato' G. Palanivel yang secara terbuka menerima sokongan Samy. Mengapakah Samy berubah arah setelah mendapat Timbalan Presiden yang setia sehingga ke hari ini?

Subra pernah bertanding jawatan Presiden MIC pada 1989 tetapi tewas. Namun, beliau tidak pernah meninggalkan parti

malahan terus menjadi Timbalan Presiden MIC. Subra menyatakan bahawa beliau bertanding jawatan Presiden MIC ketika itu kerana tindakan pucuk pimpinan tertinggi MIC membubarkan cawangan dan memecat pengerusi cawangan MIC di seluruh negara.

Perjalanan politik Subra dianggap mula menuju jalan gelap selepas digugurkan dari senarai calon Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum ke-11 pada Mac 2004. Sejak itu, Subra hanya aktif dalam program dan aktiviti parti.

Palani pula merupakan "leftenan kanan" Samy yang berkhidmat sebagai Setiausaha Akhbar Samy selepas memenangi jawatan Naib Presiden MIC pada pemilihan 1994. Kesetiaannya dibalas oleh Samy dengan memberikan sokongan padu kepadanya untuk merebut jawatan Timbalan Presiden MIC.

Siapakah Subra dan adakah sejarah pertembungannya dengan Samy mempengaruhi perkembangan karier politik Subra? Jika dirujuk sejarah perkembangan kepimpinan MIC pada lewat 1970-an, Subra merupakan "anak emas" bekas Presiden MIC, meniang Tan Sri Manikavasagam.

PRESIDEN MIC (1946 - 2006)



Nama: John A. Thivy
Tahun Berkhidmat:
1946 - 1947



Nama: Mr. Budh Singh
Tahun Berkhidmat:
1947 - 1950



Nama: Mr. K. Ramanathan
Tahun Berkhidmat:
1950 - 1951



Nama: Mr. K. L. Devaser
Tahun Berkhidmat:
1951 - 1955

Walaupun mendapat sokongan Presiden, Subra tewas di tangan Samy dalam perebutan jawatan Timbalan Presiden MIC pada pemilihan 1977.

Pada pemilihan 1977 itu, Samy bergelut dalam pertarungan yang sengit – Samy bukan sahaja berhadapan dengan Subra, malahan sokongan bekas Naib Presiden MIC, Dato' Pathmanaban, dan adik Manikavasagam sendiri, Datuk V. Kandan,

Kedua-dua pemimpin ini (Samy-Palani) mempunyai perwatakan dan personaliti yang berbeza. Subra digemari oleh golongan veteran kerana sudah lama berada dalam MIC. Hubungan beliau dengan perwakilan yang rata-rata merupakan golongan lama begitu akrab. Hubungan ini juga mewujudkan sentimen "simpati" berikutan nasib yang dilalui oleh beliau sejak digugurkan sebagai calon pilihan raya dan kritikan ber-

prestasinya sepanjang berkhidmat dalam kabinet kerajaan dahulu juga agak kurang memberangsangkan.

Hal ini berbeza daripada Palani yang masih "muda" dalam politik MIC dan dianggap pemimpin yang sesuai untuk persekitaran dan iklim politik tanah air hari ini. Berlatar-belakangkan seorang yang berpegang kuat pada ajaran agama dan berpengetahuan luas kerana minat membacanya, beliau dikagumi oleh ahli parti terutama dalam kalangan generasi baharu yang dahagakan perubahan.

Samy - Palani boleh membawa perubahan terhadap masyarakat India.



TINDAKAN Dato' Seri Samy memberikan sokongan terbuka kepada Dato' G. Palanivel mencabar kewibawaan Dato' S. Subramaniam.

kepada Subra menyebabkan Samy mengharungi laluan yang paling sukar dalam karier politiknya. Adakah senario ini relevan dalam pemilihan Timbalan Presiden MIC tahun ini? Adakah keputusan Samy bersifat emosional dan situasi yang dilihat hari ini bukan semata-mata untuk menguji Subra, tetapi Palani digunakan untuk menguji kekuatan Samy sendiri?

Palani pula merupakan Ahli Parlimen yang sudah berkhidmat selama hampir 15 tahun dan pernah aktif dalam Persatuan Pengguna Pulau Pinang (PPPP), Sahabat Alam Malaysia, pensyarah di Maktab Adabi Kuantan, dan pensyarah sambilan di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Lebih daripada itu, beliau dikenali sebagai bekas wartawan Bernama dan bekas Setiausaha Akhbar Samy. Beliau berkecimpung dalam MIC sejak 1968 – beliau menjadi Bendahari (1991-1994) dan Naib Presiden MIC untuk empat penggal sejak 1994 hingga sekarang.

terusan daripada Samy sejak mengumumkan sokongannya kepada Palani. Asakan ini juga menyebabkan masyarakat di luar MIC turut memberikan sokongan kepada Subra.

Subra tidak menghiraukan kritikan Samy dan terus menunjukkan kesetiiaan kepada Presiden MIC. Namun, dalam perebutan jawatan Timbalan Presiden MIC kali ini, Subra nampak tempang tanpa adanya sokongan pemimpin atasan sebagaimana sokongan Pathmanaban dan Pandithan kepadanya dalam perebutan jawatan Presiden MIC pada 1989.

Media berbahasa Tamil juga tidak berpihak kepada Subra. Tindakan yang boleh dilakukan oleh Subra sekarang hanyalah menggunakan hubungan peribadi untuk memujuk perwakilan menyokongnya serta berkempen di konvensyen MIC negeri untuk mengikis tanggapan negatif perwakilan terhadap dirinya. Mahu tidak mahu, Subra perlu bekerja keras memandangkan rekod

Palani turut mendapat sokongan daripada kepimpinan atasan parti yang menganggap regu Samy - Palani boleh membawa perubahan terhadap masyarakat India untuk jangka masa panjang. Palani boleh menggunakan kekuatan persekitaran dan pemimpin lain untuk turut sama membantu beliau dalam kempenya. Kekuatan latar belakangnya boleh menjana strategi untuk berhadapan dengan Subra walaupun pengalaman kedua-duanya jauh berbeza.

Perebutan jawatan tertinggi MIC kali ini perlulah bersifat konstruktif dan bukannya destruktif. Konstruktif ini penting demi memelihara maruah MIC yang menjadi tonggak perjuangan masyarakat India (komponen kaum yang ketiga terbesar di Malaysia). Agak mudah untuk membawa kepada keruntuhan sebuah parti politik tanpa menyedari bahawa kestabilan dan membina kekuatannya semula memakan masa yang lama. ■


Dr. Sivamurugan Pandian ialah pensyarah Sosiologi Politik di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.



Nama: Tun V. T. Sambanthan
Tahun Berkhidmat:
1955 - 1973



Nama: Tan Sri Dato'
V. Manikavasagam
Tahun Berkhidmat: 1973 - 1979



Nama: Dato' Seri
S. Samy Vellu
Tahun Berkhidmat:
1979 - sekarang